

# Pemuda sifatkan Howard boneka AS

UM 27/10/03

**M**UAR 26 Okt. — Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini menyifatkan, Perdana Menteri Australia, John Howard yang dilantik sebagai sherif Asia tidak lebih sebagai boneka kepada Amerika Syarikat (AS).

Menurut beliau, pelantikan itu juga menjadikan Howard sebagai pemimpin tidak bermaruah dan secara tidak langsung menjadikan Australia sebagai negara jajahan AS.

“Ia tidak lebih sebagai *puppet* kepada AS yang hanya mengikut telunjuk. Dia merupakan seorang pemimpin yang tidak bermaruah dan menjadikan negaranya sebagai jajahan AS.

“Kita yakin lama kelamaan rakyat Australia akan menolak kepimpinan Howard,” tegas beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung dwitahunan Majlis Belia Negeri Johor di sebuah hotel di Jalan Ali di sini.

Turut hadir di majlis itu ialah, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Mo-

hamed Khaled Nordin yang juga Presiden Majlis Belia Negeri Johor dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Belia dan Sukan Negeri Johor, Ahmad Zahari Jamil.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan mempertikaikan tindakan AS melantik Australia sebagai pengawal keselamatan rantau Asia.

“Siapa beri hak kepada AS melantik Perdana Menteri Australia sebagai pengawal kita di rantau ini. Dan dengan angkuh menunjukkan mereka ini tidak mempedulikan kedaulatan dan kedudukan negara di sebelah sini,” katanya.

Dalam hubungan ini Hishammuddin menegaskan, persefahaman negara-negara ASEAN adalah penting untuk menghadapi negara yang rakus seperti AS.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush melakukan pembohongan apabila mengakui bahawa dia mengkritik Perdana Menteri di Sidang Kemuncak

Ketua-ketua Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Bangkok baru-baru ini Hishammuddin berkata:

“Ia adalah sesuatu yang tidak mengesahkan kerana sebelum ini Bush telah berbohong dalam isu penjajahan di Afghanistan, Iraq dan Palestin”.

Katanya, semasa melanggar Afghanistan, Bush telah membuat bermacam janji, tetapi sehingga hari ini janji untuk membangunkan semula negara itu selepas musnah dalam peperangan tidak menjadi kenyataan.

Sebaliknya, kata beliau, rakyat negara itu terus hidup dalam keadaan menderita.

Begitu juga di Iraq kata beliau, sehingga ini AS tidak mempunyai bukti bahawa negara itu mempunyai senjata pemusnah yang dijadikan alasan melanggar negara tersebut.

Malah katanya, tidak ada kaitan antara bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein dengan pemimpin Al-Qaeda yang dikatakan membiayai kegiatan keganasan.